

# Rindu ketupat, rendang di Glasgow

► **RADEN ZAINAL MUSTAFA**

Penulis sambilan

PENGALAMAN berada di luar negara buat kali pertama telah menyedarkan Encik Faiz Idris, 23 tahun, agar lebih menghargai nilai perbezaan budaya dan cara hidup penduduk di Glasgow.

Beliau kini menghadiri program OIP atau lebih dikenali sebagai Program Penyerapan Luar Negara hasil kerjasama Institut Teknologi Singapura (SIT) dengan Universiti Glasgow.

“Program OIP yang sedang saya jalani selama sebulan adalah bagi mengejar ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Aeronautik. Saya akan bekerja dalam satu kumpulan bagi mereka bentuk, membuat dan menguji *aerofoil* atau sayap pesawat.

“Tujuannya adalah mewujudkan *aerofoil* dengan ciri garis lurus seperti mempunyai pekali angkat tinggi. Terdapat lima kursus ijazah (Kejuruteraan Aeronautik, Sistem Aeroangkasa, Kejuruteraan Reka Bentuk Mekanikal, Sains Mekatronik & Pengkomputeran) yang sedang menjalani kerjasama OIP pada masa ini,” katanya.

Menurut Encik Faiz, beliau telah ke Paris dan beberapa bandar Brit-



**JAUH PERJALANAN:** Encik Faiz Idris (*kiri*) berkata beliau telah meraih banyak pengalaman luar biasa di luar negara. – Foto ihsan FAIZ IDRIS

ain (London, Manchester dan Newcastle) sebelum tiba di Glasgow.

“Ia sememangnya perjalanan pembuka mata dengan banyak pengalaman luar biasa. Di Eropah, perjalanan masa harian lebih lama daripada malam yang bermakna saya terpaksa berpuasa selama hampir 20 jam! Walaupun ia musim panas, suhunya amat sejuk dan ia menjadi lebih sejuk pada waktu malam. Suhu adalah 10-20 darjah Celsius,” katanya.

Selain majlis iftar, Encik Faiz juga akan menjemput rakan bukan Islam bagi sambutan Aidilfitri.

Tambah beliau lagi:

“Saya bertemu dengan salah seorang ustaz saya iaitu Ustaz Zaki Ismail ketika berada di London. Beliau pernah mengajar saya di Singapura. Beliau telah berpindah ke London beberapa tahun lalu dan kini merupakan ustaz di Sofa College London. Saya telah dijemput ke majlis iftar dan tarawih bersama beliau di kolej. Beliau berkongsi beberapa pandangan tentang masyarakat Eropah dan gaya hidup mereka.”

Mengenai perbezaan menyambut Ramadan di negara asing berbanding dengan sambutan bersama keluarga di Singapura, Encik Faiz berkata:

“Yang paling jelas ialah perbezaan masa puasa. Tiada bazar makanan seperti di Geylang. Tiada pengagihan bubur lambuk. Tarawih dijalankan di masjid tidak seperti di Singapura yang dilanjutkan ke kolong blok di beberapa kawasan perumahan.

“Saya pasti akan rindu keluarga saya, juga makanan seperti sambal goreng, rendang, lodeh, lontong... dan bermacam-macam lagi hidangan.

“Saya dan rakan berhasrat memasak hidangan Raya mudah dan dapatkan beberapa kuih dari pasar raya. Selepas itu, kami akan solat di masjid berdekatan,” katanya.